

UUM ONLINE: Bengkel Penulisan Jurnal Berimpak Tinggi yang disertai oleh 55 peserta terdiri dari kalangan pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimas) mendapat sambutan yang mengalakkan.

Prof Dr. Ku Ruhana Ku Mahamud yang mengetuai Kumpulan LEADS berkata, bengkel yang dianjurkan baru-baru ini telah memberi manfaat, pengalaman serta ilmu dalam menghasilkan artikel yang berkualiti.

Katanya, melalui bengkel yang diadakan ini ianya dapat meningkatkan kualiti penulisan jurnal oleh pihak penyelidik dan akademik yang menyertainya.

"Ini secara langsung telah dapat menambahkan lagi penerbitan berkualiti yang berimpak tinggi oleh golongan akademik UUM dan secara tidak langsung menyokong matlamat pengurusan universiti ini untuk menjadikan UUM sebagai Universiti Penyelidikan," ujar beliau lagi.

Penceramah yang telah dijemput untuk bengkel ini ialah Prof Madya Dr. Zulikha Jamaludin dari College of Arts and Sciences (UUM CAS).

Bidang kepakaran beliau adalah rekabentuk multimedia dan telah menerbitkan lebih daripada 20 jurnal dan 100 kertas kerja persidangan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

Prof Dr. Ku Ruhana menambah semua kertas kerja yang dihasilkan oleh peserta yang menyertainya akan dihantar ke pihak penerbitan jurnal UUM iaitu JICT (Journal Information and Communication Technology) untuk dinilai dan seterusnya, kertas yang memenuhi kriteria pemilihan JICT akan diterbitkan.

"Saya yakin dengan kejayaan bengkel yang diadakan ini pastinya dapat menganjurkan lagi bengkel seperti ini dalam bidang lain seperti pengurusan, pendidikan maupun ekonomi sekiranya mendapat permintaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)," katanya ketika dihubungi.

Habis.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my